

***PENGALAMAN SEBAGAI SUBJEK
DALAM SENI CATAN MODEN MALAYSIA***

OLEH :

WAN JAMARUL IMRAN BIN WAN ABDULLAH THANI

88614750

**JABATAN SENI HALUS,
KAJIAN SENILUKIS & SENIREKA,
INSTITUT TEKNOLOGI MARA,
SHAH ALAM,
SELANGOR DARULEHSAN**

SESI 1981/82

ISIKANDUNGAN.....	ii
SENARAI LAMPIRAN.....	iv
PENGHARGAAN.....	v
SINOPSIS.....	vi

1.0 PEMIKIRAN DAN PENGALAMAN

1.1 PENGENALAN.....	1
1.2 KEFAHAMAN TERHADAP PENGALAMAN.....	3
1.2.1 Pengalaman Kemahiran.....	8
1.2.2 Pengalaman Budaya.....	9
1.3 FAKTOR YANG MENCETUSKAN PENGALAMAN.....	10

2.0 PERKAITAN PENGALAMAN DAN SENI

2.1 PERKAITAN PENGALAMAN DAN SENI.....	13
--	----

3.0 PERKAITAN SUBJEK

3.1 KEFAHAMAN TERHADAP SUBJEK.....	20
3.1.1 Pengamatan Hakiki.....	21
3.1.2 Gerakbalas Peribadi Terhadap Pengalaman.....	22
3.1.3 Penyampaian Maklumat Secara Tertib Atau Tersusun.....	23
3.2 PERANAN PENGALAMAN SEBAGAI SUBJEK DALAM CATAN.....	24

4.0 KARYA SENI, PELUKIS DAN PEMERHATI

4.1 KEFAHAMAN TERHADAP KARYA SENI.....	28
4.2 PENGKARYA.....	31
4.3 PEMERHATI.....	35

PENGHARGAAN.

Apabila memperkatakan sesuatu dengan penuh pengetahuan adalah suatu pengajaran yang rasional dan intelektual. Justeru itu dengan beberapa sokongan teori terhadap apa yang sedang dipersoalkan, maka dapatlah diperjelaskan dan dilihat kebenaran terhadap kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa dan keluarga yang banyak memberi bantuan untuk pembelajaran saya. Jutaan terima kasih juga kepada:

En. Awang Damit Ahmad

En. Fauzan Omar

Sdr. Mohd. Jamil Mat Isa

Sdr. Kamal Shamsuddin

Sdr. Anassuwandi Bin Ahmad

Sdr. Anassuzastri Bin Ahmad

dan kepada semua yang turut terlibat.

Terima kasih juga kepada ANS ENTERPRISE yang banyak membantu dalam kerja-kerja menyiapkan tesis ini.

Bantuan serta sokongan moral yang telah diberikan ini semoga mendapat keredhaan ALLAH s.w.t.

TERIMA KASIH.

SINOPSIS

Perkembangan senilukis moden Malaysia yang bermula pada tahun 1930an iaitu sebelum negara mencapai kemerdekaan sehinggalah ke hari ini. Perkembangan awal dengan tertubuhnya beberapa buah kumpulan atau persatuan pelukis seperti Kumpulan Pelukis Cat Air Pulau Pinang, seterusnya Akademi Senilukis Nanyang, Wednesday Art Group, Angkatan Pelukis Semenanjung (Angkatan Pelukis SeMalaysia) dan lain-lain persatuan senilukis selepas negara mencapai kemerdekaan sehinggalah mewujudkan sekolah-sekolah seni seperti Kajian Senilukis dan Senireka ITM dan juga lain-lain sekolah seni persendirian.

Perkembangan awal inilah merupakan permulaan era kemodenan dalam senilukis di Malaysia. Dari sinilah lahirnya pelukis-pelukis perintis seperti Abdullah Arif, Yong Mun Sen, Cheong Soo Peng, Hossein Enas, Mazli Mat Som sehinggalah sekarang ini kepada kemunculan pelukis-pelukis generasi muda. Sepanjang era kemodenan senilukis di Malaysia pelbagai macam aliran serta gaya yang dibawa atau diperkenalkan oleh para pelukis. Kebanyakan aliran serta gaya ini adalah . pengaruh perkembangan seni di barat.

1.1 PENGENALAN

Setelah sekian lama bertungkus-lumus dalam bidang seni halus di ITM. Melihat akan kewujudan dan perkembangan senilukis di Malaysia, akhirnya timbullah suatu tanda tanya dalam diri apakah sebenarnya yang dibuat oleh pelukis itu dalam karyanya. Bagaimana timbulnya kepuasan kepada pelukis dan pemerhati.

Walaupun ternyata apa yang dihasilkan oleh pelukis tentang kebudayaan, tentang konsep keIslaman yang kesemuanya mempunyai ikonografi yang tinggi. Tetapi ini semua wujudnya dari mana? Anggapan saya sekarang ini adalah pengetahuan yang dihimpun dan tercetusnya adalah suatu pengalaman diri. Persoalan tentang kebenaran ini bermain-main dalam fikiran.

Dalam perkara ini seolah-olah menjadi kajian dan dorongan dari apa yang saya hasilkan pada kerja-kerja studio. Dalam kerja-kerja studio sendiri saya pernah disarankan oleh pensyarah supaya mengetahui dan mendalami apa yang ingin dihasilkan dalam berkarya. Dan ia amat memberi kesan terhadap penghasilan kerja studio. Kerja studio yang terhasil seolah-olah rapat dengan diri ini dan ia seolah-olah sebahagian dari diri.